

17/11/1999

Kebolehan syarat utama calon BN: Dr M (HL)

Kadir Dikoh

KUALA LUMPUR, Selasa - Berkebolehan, terutama dalam pentadbiran serta tahu cara mendapatkan sokongan rakyat menjadi kriteria pemilihan calon Barisan Nasional (BN), khususnya Umno, pada pilihan raya umum kali ini.

Pengerusi BN, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, berkata populariti semata-mata belum dapat menjamin seseorang itu dipilih sebagai calon BN.

"Kalau kita pilih calon dengan otak geliga tetapi tidak tahu bagaimana mendapat sokongan daripada rakyat, itu juga tidak mendatangkan hasil.

"Kalau kita cuma mengasaskan kepada populariti sedangkan dia mungkin tidak mempunyai kebolehan dalam bidang pentadbiran, itu juga tidak sesuai untuk dijadikan calon.

"Kita perlu cari calon yang selain daripada popular, dia juga mempunyai kebolehan," katanya dalam wawancara khas dengan Pengarang Urusan Berita dan Ehwal Semasa TV3, Chamil Wariya, yang disiarkan oleh stesen itu malam ini.

Dr Mahathir yang juga Presiden Umno ditanya mengenai kriteria pemilihan calon BN untuk pilihan raya umum kesepuluh ini. Hari penamaan calon ialah Sabtu ini, manakala pengundian pada 29 November.

Semalam semua Badan Perhubungan Umno negeri sudah menyerahkan senarai calon masing-masing kepada Dr Mahathir, manakala pemimpin parti komponen BN berbuat demikian hari ini.

Bagaimanapun keputusan muktamad dan senarai penuh calon BN dijangka diumumkan sehari menjelang penamaan calon. Sebanyak 193 kerusi Parlimen dan 394 kerusi Dewan Undangan Negeri (DUN) menjadi rebutan pada pilihan raya ini.

Perdana Menteri tidak menolak kemungkinan ada calon yang hanya popular tetapi kurang berkebolehan dalam bidang lain atau tidak popular tetapi berkebolehan turut diketengahkan.

"Kita akan bantu supaya dia dapat kemenangan," katanya.

Mengenai manifesto BN kali ini, beliau berkata ia akan menitikberatkan soal perpaduan kaum, mengekalkan kebebasan negara dan pembangunan berterusan untuk rakyat.

Katanya, bagi menentukan hasrat itu tercapai, segala tindakan perlu diambil supaya negara akan terus bebas, maju dan bersatu padu.

Menjawab soalan, Dr Mahathir berkata, beliau tidak tahu sama ada manifesto BN kali ini mengejutkan atau tidak.

"BN berhasrat untuk terus memajukan Malaysia di samping mengekalkan kebebasan dan perpaduan negara.

"Dengan itu, tumpuan manifesto ialah terhadap pengekalan kebebasan negara, pengekalan perpaduan negara, pengekalan kemajuan negara dan segala tindakan yang perlu diambil bagi menentukan negara kita akan terus bebas, maju dan bersatu padu, itu akan diusahakan oleh kita," katanya.

Dr Mahathir juga menolak kemungkinan Datuk Seri Anwar Ibrahim dan penyokongnya terutama Parti Keadilan Nasional (Keadilan) mampu menghakiskan kuasa Umno.

Beliau berkata, keadaan pilihan raya umum pada 1990 yang membabitkan Tengku Razaleigh Hamzah dengan Parti Semangat 46 (S46), tidak sama dengan situasi Anwar sekarang.

"Memang Datuk Seri Anwar mempunyai pengaruh tetapi pada 1990 bukan saja Tengku Razaleigh keluar dari Umno dan menarik begitu ramai pemimpin Umno sendiri, tetapi juga PBS (Parti Bersatu Sabah) membuat keputusan untuk menyertai parti lawan.

"Dengan itu kedudukan kita (BN) menjadi begitu genting. (Saya) tiada nampak Keadilan ini akan berjaya menghakis kekuatan Umno," katanya.

Ditanya sama ada beliau melihat Anwar akan menjadi faktor menentukan kejayaan atau kegagalan BN kali ini, Dr Mahathir berkata BN tidak bimbang.

"Kekhuatiran kita ialah kerana dia mempunyai kebolehan untuk mencetus huru-hara dalam negara. "Pada 1974 dia membohong kononnya ada budak mati kerana kelaparan, menyebabkan penuntut di seluruh negara menunjuk perasaan.

"Apabila dia ditangkap, sekali lagi dia mengesa penyokongnya supaya mengadakan tunjuk perasaan, bahkan memecahkan harta Umno dan harta kerajaan. Setelah reda sikit, dia pula mendakwa dia diracuni dan sekali lagi ada tunjuk perasaan.

"Saya yakin kalau dia dapati Keadilan akan gagal, akan kalah, mungkin kalah 100 peratus, pada masa itu untuk menyelamatkan dirinya, dia akan cuba menggagalkan pilihan raya dengan mengadakan rusuhan dan saya yakin dia akan mendapat bantuan dari luar negara," katanya.

(END)